

12 NOV 1998

Mohamed-Sabah

BN TIDAK AKAN TERIMA SEMULA PBS, KATA MOHAMED RAHMAT

SHAH ALAM, 12 Nov (Bernama) -- Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) Datuk Mohamed Rahmat hari ini berkata Parti Bersatu Sabah (PBS) tidak mungkin diterima semula memasuki BN.

"Saya tidak nampak langsung kemungkinan ini (berlaku)," katanya menjawab pertanyaan pemberita mengenai kemungkinan PBS diambil semula menyertai BN jika ada permohonan daripada parti itu.

Mohamed, yang juga Menteri Penerangan, berkata BN di Sabah kini mempunyai keanggotaan yang cukup dan sebarang pertambahan parti hanya akan menimbulkan masalah.

"Kita pun dah cukup orang dalam BN di Sabah. Setakat ini saya tak fikir BN boleh terima PBS," katanya selepas menghadiri majlis menandatangani perjanjian persefahaman berkaitan Motorsport '98 di sini, hari ini.

PBS keluar daripada gabungan itu beberapa hari sebelum pilihan raya umum pada Oktober 1990. BN kini menguasai 43 daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri, PBS empat dan Bebas satu.

BN Sabah dianggotai sembilan parti iaitu UMNO, Parti Demokratik Sabah, Parti Maju Sabah, Akar Bersatu, Parti Bersatu Rakyat Sabah, MCA, Gerakan, Parti Liberal Demokratik dan MIC.

Mohamed berkata keadaan tidak memaksa BN menambah komponennya di Sabah walaupun banyak parti yang berhasrat menyertainya kerana ia adalah parti berkuasa di negeri itu.

"Kita ada cukup kekuatan untuk mempertahankan Sabah dengan komponen-komponen yang ada," katanya.

Mengenai pengagihan kerusi pilihan raya Sabah yang perlu diadakan selewat-lewatnya pada Mac 1999, Mohamed berkata komponen BN boleh mengemukakan cadangan masing-masing tetapi keputusan muktamad akan dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya percaya lobi untuk kerusi memang kuat. Tapi saya tak fikir ia jadi masalah pada pilihan raya Sabah," katanya.

Mohamed berkata parti-parti komponen BN seharusnya mengutamakan kemenangan BN dan mempertahankan kerajaan yang sedia ada.

"Mesti ada semangat tolak-ansur dalam hal ini. Kalau keputusan sudah dibuat tentang pengagihan kerusi, semua komponen kena kerja kuat untuk menangkan calon-calon BN yang akan ditentukan oleh Perdana Menteri," kata beliau.

Mohamed berkata beliau yakin tidak akan berlaku masalah mengenai pengagihan kerusi kerana keadaan di Sabah stabil dan BN berupaya kekal dengan kekuatan yang sedia ada.

Menjawab pertanyaan bila pengagihan kerusi akan dibuat, Mohamed berkata perkara itu sedang diteliti.

-- BERNAMA

AR NAK